

# → PENDIDIKAN

KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA 2018

## KPTN 2018 sasar 30,000 pengunjung

→ Program buka peluang sambung pengajian ke IPT

Oleh Nurul Nadira Shaari  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2018 Zon Pahang, akan berlangsung dua hari bermula Sabtu ini, di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini.

Program anjuran Kementerian

Pendidikan Tinggi dan UMP yang bertemakan 'Jom Masuk IPT' menyasarkan 30,000 pengunjung.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yunus, berkata karnival itu adalah program bermaklumat untuk pengunjung mengambil peluang mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana KPTN UMP 2018 berkata, karnival itu adalah saluran hebahutan utama bagi menyebarkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi dalam negara.

"Ia sebagai hebahutan kepada pelajar mengenai kemasukan ke IPT di seluruh negara bagi sesi kemasukan 2018/2019 dan platform

yang memberi kemudahan kepada orang ramai mendapatkan maklumat mengenai program akademik ditawarkan oleh 20 universiti awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), IPT swasta dan institusi lain," katanya di sini, semalam.

### Buka 100 kaunter pameran

Lebih 100 kaunter pameran akan dibuka sepanjang karnival berlangsung dengan penyertaan daripada 20 UA, IPT terpilih, pembilaya pendidikan dan agensi berteraskan pendidikan.

Bagi memeriahkan karnival itu, UMP turut mengadakan aktiviti Larian Jom Masuk IPT, program Street Science@ Gallery, Icon Talk, Career Talk, Edu Tour, persembahan kebudayaan, pameran dan

gerai keusahawanan.

Aktiviti lain turut disusun seperti pengisian UPU online, pameran sains dan inovasi, pembiayaan pendidikan menerusi ceramah, serta ruang pameran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan MA-RA.

Rosli berkata, pelajar juga berpeluang berkongsi pengalaman dengan Ketua Pegawai Eksekutif Gruppe Consultant, Datuk Wan Nazri Wan Aria dan Pengurus Kanan (Pengurusan Operasi & Penyelenggaraan) Malaysia Rail Link Sdn Bhd, Tariq Umar Mohamed.

Katanya, pihaknya juga menganjurkan perkongsian pengalaman bersama alumni UMP, Mohd Najib Razali yang kini Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli.



Program untuk pengunjung dapatkan maklumat pendidikan"

**Rosli Mohd Yunus,**  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
UMP